

0832

U B93D BAH
MAHATHIR - ROMBONGAN

1985

KUALA LUMPUR, 30 MAC (BERNAMA) -- ANGGOTA-ANGGOTA UMNO YANG INGIN MENGANJURKAN ROMBONGAN KE LUAR NEGERI ATAU MENGUTIP DERMA UNTUK PARTI PERLU MENDAPAT KELULUSAN DARIPADA IBU PEJABAT PARTI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGARAHKAN DEMIKIAN HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA ARAHAN BARU ITU DIPUTUSKAN DALAM MESYUARAT BULANAN MAJLIS TERTINGGI PARTI SELAMA LEBIH EMPAT JAM DI IBU PEJABAT PARTI HARI INI.

KATANYA ROMBONGAN-ROMBONGAN UMNO YANG INGIN MELAWAT KE LUAR NEGERI MESTI MENGHANTAR SURAT DARIPADA PERINGKAT CAWANGAN YANG

KEMUDIANNYA MENGHANTAR SURAT ITU MENERUSI BAHAGIAN DAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI.

CUMA IBU PEJABAT UMNO SAHAJA YANG AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA PERMOHONAN MELALUI SURAT YANG DIHANTAR MENERUSI KETIGA-TIGA PERINGKAT ITU DILULUSKAN, TEGASNYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT ITU.

MENGENAI KUTIPAN DERMA PULA, DR. MAHATHIR BERKATA ANGGOTA UMNO DARIPADA SEMUA PERINGKAT PERLU MENDAPAT KEBENARAN DARIPADA IBU PEJABAT SEBELUM MENDAKWA MEREKA MENGUTIP DERMA UNTUK PARTI. --
BERNAMA

0045MST 30 03 85